

## SOALAN NO. 281

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN : BUKAN LISAN**

**DARIPADA : YANG BERHORMAT DATO' TAKIYUDDIN BIN HASSAN [KOTA BHARU]**

**SOALAN :**

**YB Dato' Takiyuddin Bin Hassan [Kota Bharu] minta PERDANA MENTERI menyatakan apakah langkah Kerajaan memperkasakan Bahasa Malaysia dalam perkhidmatan awam sama ada dalam urusan pentadbiran mahupun permesyuaratan.**

**JAWAPAN: YB DATO' SRI AZALINA BINTI OTHMAN SAID,  
MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI.**

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA) selaku Jawatankuasa Kecil Pelaksanaan Bahasa Kebangsaan Sektor Awam telahpun mengambil pelbagai langkah yang berkesan dalam usaha memperkasakan Bahasa Malaysia dalam Perkhidmatan Awam. Antara usaha yang dilaksanakan oleh JPA ialah membangunkan Pekeliling Perkhidmatan Bil. 9 Tahun 2011 - Panduan Penggunaan Bahasa Kebangsaan Dalam Perkhidmatan Awam dan melaksanakan pembinaan Munsyi Muda Bahasa melalui kursus yang dijalankan secara kerjasama dengan Dewan Bahasa dan Pustaka.

Melalui punca kuasa Pekeliling Perkhidmatan Bil. 9 Tahun 2011 tersebut, Dewan Bahasa dan Pustaka bertindak dengan mengadakan audit bahasa kepada semua agensi Kerajaan, menilai dari segi mutu dan tahap penggunaan Bahasa Kebangsaan dalam Perkhidmatan Awam.

Manakala melalui pewujudan Munsyi Muda Bahasa, JPA telah menasihatkan bahawa setiap agensi perlu memiliki sekurang-kurangnya dua orang Munsyi Muda Bahasa sebagai perujuk bahasa dalam membetulkan dokumen rasmi Kerajaan dan membuat teguran berhemah atas keutamaan menggunakan Bahasa Kebangsaan dalam sesi mesyuarat, taklimat dan seminar dalam negara yang dianjurkan oleh organisasi masing-masing.